

Rakan wanita turut tukar pengakuan bersalah aniaya budak lelaki berusia tujuh tahun

# Ibu tunggal mengaku salah dera anak

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

**JOHOR BAHRU** – Seorang ibu tunggal dan rakan serumahnya yang sebelum ini didakwa atas dua pertuduhan menganiaya dan mengabai anak kandungnya menukar pengakuan kepada bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam.

Tertuduh yang berusia 27 tahun dan rakannya yang berperwatakan tomboi iaitu Awiin Chua, 30, menukar pengakuan berkenaan di hadapan Hakim VM Mabel Sheela.

Semalam sepatutnya sebutan semula kes berkenaan selepas kedua-duanya mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan itu pada 16 Ogos lalu.

Bagi pertuduhan pertama, kedua-duanya didakwa dengan niat menganiaya seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang berada dalam pemeliharaan mereka sehingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan fizikal.

Bagi pertuduhan kedua, ibu muda berkenaan dan Awiin didakwa dengan niat mengabaikan kanak-kanak yang juga anak kandung wanita itu ketika mangsa berada dalam pemeliharaan mereka.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah di Jalan Wau Kikik 7, Bandar Layangkasa, Pasir Gudang antara 1 Julai hingga 9 Ogos lalu.

Pendakwaan kedua-dua pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman denda se-



**IBU tunggal bersama rakannya, Awiin mengaku bersalah menganiaya dan mengabai budak lelaki di Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam.**

hingga RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nur Diana Zubir, manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam bela, Abd. Rahim Ali.

Nur Diyana memohon satu tarikh lain bagi penyediaan fakta kes sebelum hukuman dijatuhkan setelah pengakuan bersalah

## IBU MENGAKU TAK BERSALAH DERA ANAK

**Tertuduh, rakan tomboi berdepan dua pertuduhan aniaya, abai budak lelaki 7 tahun**

**JOHOR BAHRU** – Seorang ibu tunggal dan rakan serumahnya yang didakwa bersalah atas dua pertuduhan menganiaya dan mengabai anak kandungnya menukar pengakuan kepada bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam.

**BERSEKUTUAN**



direkodkan. Pada prosiding itu, pihak pendakwaan turut menyerahkan dokumen kepada mahkamah membabitkan laporan perubatan, laporan polis, gambar-gambar lokasi kejadian dan gambar kecederaan pada badan mangsa. Mahkamah kemudian menetapkan 10 Oktober depan untuk fakta dan hukuman.

Jaminan RM15,000 terhadap ibu tunggal berkenaan dan RM20,000 terhadap Awiin dikekalkan, bagaimanapun kedua-dua tertuduh tidak membayar jaminan tersebut.

Terdahulu, Nurul Asyiqin yang tiba di mahkamah kira-kira pukul 9.30 pagi disambut oleh bapa kandung dan saudaranya yang hadir untuk mengikuti perjalanan kes tersebut.

Suasana pilu menyelubungi mahkamah itu selepas ibu tunggal itu dan bapanya berusia 62 tahun berpelukan dan menangis setelah beberapa tahun tidak bertemu.

Sebelum ini, akhbar melaporkan seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun disyaki menjadi mangsa dera oleh dua wanita termasuk ibu kandungnya.

Perbuatan terkutuk itu terbongkar selepas jiran di kawasan perumahan berkenaan menyerbu rumah diduduki dua beranak itu bersama kenalan ibu mangsa.

Tular di media sosial video menunjukkan orang awam menyerbu rumah itu bagi menyelamatkan mangsa selain turut memaparkan kecederaan teruk di bahagian belakang badan kanak-kanak itu.